

DESIGN DECODED 2021 : ART EXHIBITION



DESIGN DECODED 2021 : ART EXHIBITION



Strategic
Partners:



Lembaga Muzium
Negeri Kedah



Suan Sunandha Rajabhat
University, Thailand



Far Eastern University
Phillipines



Hanseo University
Korea



كلية التقنية العليا
HIGHER COLLEGES OF TECHNOLOGY

United Arab Emirates



Galeri
seni merbok

DESIGN DECODED 2021 : ART EXHIBITION



Copyright ©2021
by the Faculty of Art and Design,
Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kedah Branch

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, copied, stored in any retrieval system or transmitted in any form or by any means, electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise, without the prior permission from the Rector, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kedah Branch, 08400 Merbok, Kedah, Malaysia.

The views, opinions and technical recommendations expressed by the contributors are entirely their own and do not necessarily reflect the views of the editors, the Faculty or the University.

Cover Design : Neesa Ameera Mohamed Salim

Layout Design : Neesa Ameera Mohamed Salim
 : Syahrini Shawalludin
 : Abdullah Kula Ismail

Chief Editors : Neesa Ameera Mohamed Salim
 Faryna Mohd Khalis

ISBN 978-967-2948-13-1

Editors : Ts. Normarziana Hassan
 Juaini Jamalludin
 Syahrini Shawalludin
 Siti Fairuz Ibrahim
 Abdullah Kula Ismail

Printed by

Sinaran Bros. Sdn Bhd (No. 3968-X)
Percetakan-Offset-Digital-Penjilid
5-3-18, The Promenade,
Permaisuri Mahsuri,
11950, Bayan Baru,
Pulau Pinang, Malaysia
sinaranbros.digital@gmail.com



Pisang emas dibawa baylor,
Masak sebiji di atas peti,
Hutang emas boleh dibayar,
Hutang budi di bawa mati.

MOHAMAT NAJIB MAT NOOR
“The Sailorman”

Hard & solid wood, Rattan, Wax
86 cm X 49 cm X 19 cm
2021



Mohamat Najib Mat Noor

“The Sailorman”

‘The Sailorman’, merupakan sebuah arca berdiri yang dihasilkan daripada garapan idea seloka pantun melayu yang diterjemahkan ke dalam bentuk tiga dimensi. Karya ini bersaiz 86cm x 49cm x 19cm. Bahan-bahan seperti kayu keras, rotan dan liliin digunakan dalam penghasilan karya ini.

Kayu dan rotan digabungkan membentuk arca berupa layar kapal yang merujuk kepada perlambangan orang atau bangsa melayu yang mempunyai kehebatan dalam ilmu pelayaran, membuat perahu dan perkapalan. Catatan sejarah mengaitkan, Orang-orang melayu generasi terdahulu adalah pengembara, padagang serta hebat dalam ilmu geografi bertujuan untuk melihat kedudukan bintang bagi menentukan arah pelayaran. Pada zaman dahulu juga, kapal atau dikenali sebagai jong merupakan alat pengangkutan yang popular sebelum terciptanya alat-alat pengangkutan lain seperti kapal terbang. Kedua-dua bahan ini adalah amat sinonim dengan budaya dan kesenian melayu serta seringkali digunakan dalam kehidupan seharian.

Secara lazimnya, budaya melambangkan sesuatu bangsa. Ianya telah berkembang dari satu generasi ke satu generasi untuk diwarisi dan diadaptasi dalam tatacara kehidupan seharian. Manakala ketamadunan sesebuah negara mahupun bangsa dapat dilihat dari segi aspek warisan budaya dan seni yang ditinggalkan merangkumi bidang politik, ekonomi dan sosial. Rotan digunakan dan diadaptasikan ke dalam karya ini sebagai perlambangan berkembangnya sesuatu bangsa terutamanya bangsa melayu. Spesis dan sifatnya yang pelbagai, hidup menjalar di hutan, serta mempunyai pelbagai fungsi dan kegunaannya. Tumbuhnya tidak berumpun, mempunyai cangkul memanjang tinggi ke silara pokok lain. Begitu juga


sesebuah bangsa yang dilihat maju dengan mempunyai nilai harga diri yang tinggi dan saling bergantungan antara satu sama lain.

Masyarakat melayu sememangnya kaya dengan nilai-nilai budaya dan kesenian. Susunan, gerak, rentak dan irama serta kesan jalinan pada permukaan kayu menggambarkan kepelbagaiannya yang ada di dalam kebudayaan Melayu. Budaya yang diamalkan adalah amalan hidup yang meliputi perkembangan sahsiah, budi, akal, daya, semangat usaha, nilai serta tindakan secara lahiriah ataupun batiniah. Dengan kewujudannya kesenian melayu, menyebabkan masyarakat melayu mempunyai identiti tersendiri. Warisan budaya harus dikekalkan kerana ianya mempunyai identity tersendiri (Andy sabang, 2014). Kesenian-kesenian melayu, diterjemahkan dalam pelbagai tatacara yang merangkumi tarian, nyanyian, persembahan pentas seperti persembahan wayang kulit, mak yong, ghazal, hadrah dan kuda kepang. Dari aspek seni tampak pula, kesenian melayu dapat dilihat dalam seni pertukangan kayu, seni bina, hiasan, tenunan dan anyaman dan sebagainya.

Penggunaan seloka pantun melayu yang diterjemahkan ke dalam karya tiga dimensi adalah sesuatu yang mencabar minda pengarca. Sebagaimana pantun itu sendiri, penuh dengan kesenian, keunikan dan akal budi orang melayu yang tinggi. Hal ini, berdasarkan penterjemahan daripada kehidupan realiti masyarakat kepada makna yang tersirat. Warisan kesenian melayu adalah satu aset yang amat berharga buat bangsa melayu dan ia harus diberi perhatian khusus secara berterusan demi memastikan kelangsungan warisan tersebut untuk generasi akan datang (Maimunah Omar. et al., 2005)

Oleh hal yang sedemikian, budaya dan kesenian melayu sememangnya amat berharga. Budaya ini semestinya dikekalkan dan diamalkan untuk diwarisi oleh generasi seterusnya serta terus berkembang. Bentuk-bentuk serta pengolahan idea secara kritis dan dinamik membolehkan nilai-nilai kemelayuan dalam era moden ini boleh terus dijulang serta dikenali serata dunia.

DESIGN DECODED 2021 : ART EXHIBITION



ISBN 978-967-2948-13-1

9 7 8 9 6 7 2 9 4 8 1 3 1



Galeri
seni merbok